



LAPORAN TAHUNAN UiTM **2018**

KANDUNGAN

- | | |
|-----|--|
| 25 | Maklumat Korporat |
| 29 | Pihak Berkuasa Universiti |
| 33 | Lembaga Pengarah Universiti |
| 37 | Jawatankuasa Pengurusan Universiti |
| 49 | Tinta Bicara Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti |
| 51 | Ringkasan Eksekutif Naib Canselor |
| 56 | Laporan Lembaga Pengarah Universiti |
| 61 | Perancangan Strategik, Perlaksanaan dan
Pencapaian Universiti |
| 73 | Penyelidikan, Perundingan, Inovasi dan
Pengkomersialan |
| 102 | Jaringan Industri, Komuniti, Alumni & Keusahawanan (ICAEN) |
| 111 | Pencapaian dan Aktiviti Keusahawanan |
| 127 | Pembangunan Bakat dan Kompetensi Staf |
| 137 | Pencapaian Akademik dan Antarabangsa |
| 201 | Pengurusan Kualiti Universiti |
| 219 | Pencapaian Pelajar dan Aktiviti Kesatuan |
| 235 | Penerbitan UiTM |
| 239 | Penyata Kewangan
Peristiwa Penting 2018 |

LATAR BELAKANG UiTM

Sejarah UiTM bermula kira-kira lima puluh tujuh tahun dahulu yang pada ketika itu, hanya terdapat sebuah bangunan kecil yang dikenali sebagai Dewan Latihan RIDA (Rural Industrial Development Authority) yang beroperasi di Jalan Othman, Petaling Jaya. Pada 14 Oktober 1957, Yang Berhormat Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, Menteri Perdagangan dan Industri Tanah Melayu telah merasmikan pembukaan Dewan Latihan RIDA yang pada ketika itu hanya menawarkan kursus London Chamber of Commerce dan juga kursus-kursus untuk peniagapeniaga kecil.

Hasil dari Kongres Ekonomi Bumiputera yang diadakan di Kuala Lumpur dari 5 hingga 7 Jun 1965, Dewan Latihan RIDA ini telah dinaiktarafkan menjadi Maktab MARA (Majlis Amanah Rakyat). Ia disusuli dengan perletakan batu asas oleh Yang Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussein pada 14 Oktober 1967, menandakan Dewan Latihan RIDA ini telah maju setapak lagi menjadi Institut Teknologi MARA (ITM).

Seiringan dengan penubuhan ITM, Majlis Pentadbiran ITM telah ditubuhkan dan pengurus pertamanya ialah Tun Ghazali Shafie. Kemudian, ia disusuli dengan pembangunan yang melibatkan pelbagai kerja-kerja pembinaan di atas tanah seluas 300 ekar di kampus Shah Alam. Pembinaan ini telah

dilaksanakan seawal tahun 1968 dan kampus ini telah mula digunakan sepenuhnya pada tahun 1970.

Penghujung tahun 1970-an telah menyaksikan bahawa ITM tidak lagi diletakkan di bawah Unit Latihan MARA tetapi telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Dalam Negeri. Ruang persekitaran yang baru ini telah memberi peluang kepada ITM untuk berkembang menjadi salah satu institut pengajian tinggi negara. Ini dibuktikan apabila pada bulan Jun 1976, Akta ITM telah diluluskan oleh Parlimen. Seterusnya, ITM telah diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan.

Melalui kejayaan demi kejayaan yang dikecapi oleh ITM, pihak kerajaan telah mengiktiraf dan mengangkat martabat ITM dari tahun ke tahun. Kementerian Pendidikan pula telah meletakkan ITM seiring dengan universitiuniversiti yang lain di dalam negara dalam arena pendidikan tinggi. Kemuncaknya adalah pada 26 Ogos 1999, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan pertukaran nama ITM kepada UiTM semasa perhimpunan Perdana Siswazah ITM.

TINTA BICARA PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan Universiti Teknologi MARA Tahun 2018 dapat dihasilkan. Laporan ini merupakan suatu dokumentasi penting UiTM untuk rujukan pemegang taruh dan pihak universiti.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua staf dan pelajar yang telah banyak membantu UiTM melakar kejayaan yang membanggakan pada tahun 2018 samada di peringkat nasional mahupun di persada antarabangsa. Kejayaan dan pencapaian ini merupakan usaha dan komitmen yang luar biasa dari seluruh warga UiTM dalam memastikan aspirasi universiti ini tercapai. Kepantasan, ketangkasan, kecekapan, dan kreativiti merupakan antara elemen penting dalam memastikan UiTM berada ditahap yang berbeza dengan yang lain.

Saya ingin menyeru supaya warga UiTM lebih berinovatif dalam aspek, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pembangunan sumber manusia dan pengurusan pelajar. Bagi mencapai visi universiti, cara bekerja hendaklah lebih kreatif dan pantas seiring dengan keperluan revolusi industri yang memerlukan adaptasi yang cepat.

Ahli Lembaga Pengarah Universiti dengan kerjasama pengurusan Universiti UiTM sentiasa membantu dalam memastikan universiti ini berupaya dan melangkaui jangkaan dan petunjuk prestasi yang ditetapkan. Dengan itu, kolaborasi antara UiTM dengan pihak industri dalam dan luar negara amat penting dalam melahirkan graduan yang memenuhi pasaran dan meningkatkan kepakaran tenaga pengajar dengan pengalaman serta kemahiran industri. Jaringan dan kolaborasi dengan pihak luar merupakan peranan signifikan universiti sebagai tapak ilmu menerusi pengajaran dan penyelidikan.

Saya juga yakin UiTM akan dapat memiliki bakat yang berprestasi tinggi, beretika, profesional dan menjadi pakar rujuk serantau apabila mempunyai set kemahiran (*skill set*) bersesuaian dan memenuhi keperluan *education 5.0*. UiTM akan memberi peluang peningkatan bagi mempersiap dan memastikan bakat yang dikenalpasti dilengkapi dengan kompetensi, kemahiran dan pengetahuan sejarah dengan arus pendidikan tinggi.

Saya berharap UiTM akan terus berusaha dalam meningkatkan kedudukan di dalam *subject* atau *university ranking*. Saya yakin warga UiTM mampu menghadapi perubahan, cabaran dan keperluan pendidikan masa depan serta bersedia dengan strategi yang telah ditetapkan bagi merealisasikan sasaran yang telah digariskan.

Saya memohon agar semua staf, pelajar dan alumni dan untuk bersama-sama memastikan UiTM terus cemerlang di persada global. Saya dan semua ahli Lembaga Pengarah Universiti sentiasa sedia membantu untuk memastikan UiTM akan terus melakar kejayaan, menjadi rujukan, dikenali dan menjadi yang terbaik.

Salam hormat.

Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir

RINGKASAN EKSEKUTIF NAIB CANSELOR

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya juga, tahun 2018 telah membawa seribu satu kenangan manis kepada UiTM, kerana telah berjaya meraih pelbagai pencapaian di pelbagai peringkat, dalam pelbagai bidang, baik akademik maupun bukan akademik, sama ada di dalam negara ataupun di persada dunia.

Tahun 2018, UiTM terus melonjakkan namanya di persada global dan konsisten dalam usaha untuk memartabatkan bangsa dan negara dengan memperkenalkan pelbagai inovasi tanpa mengabaikan visi, misi serta falsafah penubuhannya. Setiap kejayaan, pencapaian dan kecemerlangan yang diraih secara langsung akan menjamin kemampuan universiti dan seterusnya, membolehkan UiTM memberi nilai tambah dan perubahan signifikan kepada masyarakat juga dunia. Ini selaras dengan tema universiti yang diangkat pada tahun 2018 iaitu ‘Inovasi dan Kemampuan memacu Kecemerlangan Global’.

Seiring dengan perkembangan dan perubahan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), UiTM sentiasa memastikan graduan yang dilahirkan bukan sahaja berkemahiran tinggi, kreatif dan kritis, tetapi fleksibel serta bersedia dalam era globalisasi dan digital ini.

Sehubungan itu, pada tahun ini universiti mengoptimumkan keupayaan dan pencapaiannya dengan memberi fokus kepada lapan (8) teras utama dengan 25 petunjuk prestasi utama (KPI). Antara teras utama tersebut ialah:

- Pertama, mewujudkan Kampus Digital
- Kedua, menambah Sumber Hasil Kewangan Alternatif
- Ketiga, meningkatkan Bajet untuk Infrastruktur dan Infostruktur
- Keempat, meningkatkan Keupayaan Staf
- Kelima, memperkasakan Agenda Pengantarabangsaan
- Keenam, meningkatkan Pengalaman Pembelajaran
- Ketujuh, menambah Bilangan Pelajar Baharu
- Kelapan, meningkatkan Penarafan dan Pengiktirafan

Dalam pada itu, inisiatif tahun 2018 dilaksanakan bersandarkan agenda transformasi UiTM selari dengan hala tuju dan matlamat yang disasarkan menerusi perancangan strategik RMKe-11 UiTM dalam mendepani cabaran globalisasi serta perubahan landskap ekonomi dan teknologi. Pada tahun 2018, universiti memantapkan lagi perlaksanaan agenda transformasinya menerusi Program Trans4U 2.0 dengan mengadaptasi lima (5) isu utama yang merangkumi aspek *IR4.0, Funding, sustainability, Policy, Talent* dan *elements Pioneering University*.

Dalam usaha memperkasa sistem pendidikan bertaraf global, UiTM sentiasa menggalakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi yang berimpak tinggi kepada masyarakat dan juga mempunyai nilai ekonomi yang tinggi, terutamanya dalam bidang Sains dan Teknologi (S&T). UiTM telah menjadikan agenda penyelidikan dan inovasi sebagai salah satu keutamaan dalam perancangan transformasi dan hala tuju UiTM dalam RMK-11 menjelang tahun 2020.

Berpegang kepada fokus utama UiTM iaitu *Sustainable Technology & Economy* dan *Social Engineering & Creative Media*, UiTM memberikan penumpuan penyelidikan dan inovasi terhadap sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), dengan memberi tumpuan kepada tiga elemen